

Kualiti pendidikan dipertingkatkan

Kerangka baru lebih komprehensif digerak menerusi penubuhan MQA

B.H 17/10/07

MIS 8

Oleh Norliza Abdullah

BADAN pengukur dan penilai sistem pendidikan tinggi negara dirombak semula, daripada Lembaga Akreditasi Negara (LAN) yang bertanggungjawab menyelaras program yang ditawarkan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam mahupun IPT Swasta, kepada Agensi Kelayakan Malaysia atau Malaysian Qualifications Agency (MQA).

Penggubalan semula sistem itu sejajar dengan tuntutan program pendidikan kini yang berubah mengikut keperluan bagi memenuhi tenaga profesional semasa. MQA yang diluluskan jemaah menteri baru-baru ini dijangka akan dilaksanakan menerusi Kerangka Kelayakan Malaysia atau Malaysian Qualification Framework (MQF) sebaik diperkenan Yang di-Pertuan Agong, sebagai Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007.

bawah pelbagai kementerian yang menjalankan program pada peringkat diploma dan sijil," katanya ketika ditemui di Subang Jaya, baru-baru ini.

Hassan berkata, sistem pendidikan tinggi negara turut mengambil kira kemahiran berasaskan vokasional menerusi penubuhan 24 politeknik dan 34 kolej komuniti dengan jumlah penduduk tempatan yang mengikuti pengajian pada peringkat tertinggi seramai 500,000 orang.

Katanya, jumlah IPTA yang banyak dengan pertumbuhan IPTS bagai cendawan lepas hujan itu memerlukan satu badan yang kukuh sebagai agensi pemantau yang melaksanakan tugas penilaian secara menyeluruh.

Malah, beliau berkata, perincian itu tidak hanya terikat kepada program yang mengambil kira kerja kursus yang hanya memberi tumpuan kepada jumlah jam kredit disediakan semata-mata. Kaedah penilaian secara konvensional itu sudah tidak

memperkayakan teori dan meninggikan tahap pemikiran pelajar.

Penubuhan MQA bukan untuk menandingi sistem pendidikan daripada dua kuasa besar dunia sebaliknya ia sebagai garis panduan dan kita mengambil yang terbaik daripada kedua-duanya untuk diguna pakai mengikut kesesuaian sesuatu program serta tuntutan industri pekerjaan.

MQA nanti akan mengiktiraf sesuatu program tidak hanya tertumpu kepada aktiviti pembelajaran tradisi sebaliknya mengambil kira hasil setiap proses pembelajaran dinilai berdasarkan pencapaian pelajar mengikut semester.

Mengulas fungsi MQA dan Jabatan Perkhidmatan Awam, Hassan berkata, kedua-dua agensi walaupun berbeza, ia adalah pelengkap kepada sesuatu program untuk diiktiraf kerajaan di dalam dan luar negara.

Bagi membolehkan negara terus berdaya saing di arena antarabangsa, satu kerangka

Presiden Kolej Universiti Teknologi dan Pengurusan Malaysia, Prof Datuk Mohd Shukri Md Yajid, sebagai satu penanda aras negara untuk terus kekal sebagai lokasi berdaya saing penyedia pendidikan tinggi berkualiti.

Beliau juga tidak menafikan menerusi MQA dan pelaksanaan MQF itu, ia menjadi satu titik tolak kepada sektor pendidikan tinggi negara, penyedia perkhidmatan berkenaan tidak akan berkompromi dalam memastikan program mereka benar-benar berkualiti.

Ia katanya, menekankan kepada standard dan kreativiti serta inovasi sesuatu program yang ditawarkan tanpa terus terikat dengan proses pembelajaran konvensional.

MQA yang digubal berdasarkan garis panduan asal LAN itu menurut Mohd Shukri turut memanggil wakil industri dengan mewujudkan kerjasama pintar antara kedua-dua pihak. Akademik berkecuali

Adakah penggabungan itu menandakan LAN sudah tidak relevan? Secara dasarnya setiap program yang digubal itu pastinya diubah mengikut keperluan. Kekurangan sedia ada pada LAN diperbaiki bagi memastikan sistem yang baru dapat memenuhi standard ditetapkan.

Sehubungan itu, usaha Kementerian Pengajian Tinggi mengorak langkah menyediakan kerangka baru yang lebih komprehensif menerusi penubuhan MQA yang pada dasarnya adalah satu kesinambungan daripada usaha LAN sebelum ini.

Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi, Prof Datuk Dr Hassan Said, berkata pelaksanaan MQA menerusi MQF nanti adalah satu mercu kejayaan kerajaan dalam meningkatkan kualiti pendidikan tinggi negara.

Penggubalan itu, katanya, adalah langkah bijak bagi meletakkan program pendidikan negara ke satu landasan yang boleh membawanya ke satu era pembangunan ketika berdepan saingan sengit cabaran pendidikan tinggi serantau.

"Ia mampu meletakkan Malaysia dalam satu senario yang lebih kompetitif di peringkat global sebagai lokasi pilihan pelajar antarabangsa mendapatkan kemudahan perkhidmatan pendidikan tinggi berkualiti.

"Malaysia masih belum terlewat, malah langkah ini tepat pada waktunya selepas negara kini mempunyai universiti awam (23), universiti swasta (14), kolej universiti swasta (16), kampus cawangan universiti luar negara (empat) dan institusi latihan di

lain secara konvensional itu, sudah tidak sesuai dengan sistem pendidikan semasa.

Hakikatnya, sistem berkenaan perlu dinilai menerusi pelbagai aktiviti pembelajaran dan pengajaran tanpa memberi tumpuan di dewan kuliah mahupun ketika sesi tutorial. Sebaliknya penyediaan pelajar kepada kerja kursus serta masa yang dihabiskan membuat rujukan di perpustakaan juga diambil kira.

Sebagai contoh, bagi sesetengah program aliran sains sosial dalam sistem pendidikan tinggi di Amerika Syarikat, pelajar di peringkat sarjana mahupun Ijazah Doktor Falsafah diminta menghadiri kuliah, membentangkan kertas kerja, hatta turut menduduki peperiksaan.

Setiap aktiviti dikira sebagai markah, penyertaan aktif dalam memberi pendapat pada sesi kuliah mahupun syarahan umum turut dikira sebahagian daripada perolehan bagi melayakkannya menerima ijazah masing-masing.

Program yang sama tidak dilakukan dalam sistem pendidikan di United Kingdom yang lebih tertumpu kepada usaha menghasilkan tesis begitu berat, padat hingga memerlukan pelajar menggunakan masa sebaik mungkin supaya dapat menamatkan pengajian mengikut jadual ditetapkan.

Berdasarkan kepada kedua-dua keadaan itu, banyak pro dan kontra. Ada pendapat mengatakan sistem pendidikan di Amerika Syarikat lebih praktikal dalam usaha melahirkan ilmuwan berdaya saing berhadapan dunia pekerjaan, manakala United Kingdom lebih menjurus kepada usaha

Bagi membolehkan negara terus berdaya saing di arena antarabangsa, satu kerangka yang kukuh perlu dilaksanakan kerana ia mencerminkan kesungguhan kerajaan dalam meningkatkan kualiti pendidikan sedia ada. Kerangka itu memerlukan kekuatan untuk mendapatkan pengiktirafan global.

Negara barat seperti Eropah masing-masing bersatu mengguna pakai European Nation Qualification Association (UNQA) sejak awal 1990. Sistem akreditasi yang kukuh itu dapat dimanfaatkan semua universiti di Kesatuan Eropah.

Begitu juga dengan pelaksanaan Asia Pacific Quality Network dimeterai pada 1998 yang turut berfungsi sebagai badan menyelaras aktiviti pendidikan tinggi serantau.

Bagi memastikan MQA dilaksanakan secara lebih berkesan, LAN turut mengadakan program taklimat mengenainya ke seluruh negara dengan memilih tujuh lokasi sebagai pusat penerangan sebelum ia dilaksanakan sepenuhnya. Maklum balas daripada IPTA dan IPTS akan diperinci.

Jika Amerika Syarikat, Eropah serta Australia dan New Zealand berjaya menjadikan negara masing-masing sebagai lokasi pilihan, wajar bagi Malaysia mengorak langkah untuk berada setanding dengan negara berkenaan pada peringkat Asean.

Tidak dinafikan usaha itu memerlukan sokongan semua pihak termasuk pembabit kerajaan dalam memastikan satu garis panduan diwujudkan untuk mengawal selia program ditawarkan supaya lebih ber-sistematik.

MQA yang dilaksanakan kerajaan kata

terang mewujudkan kerjasama antara dua tara kedua-dua pihak. Akademia berkongsi pengetahuan manakala pengamal industri membawa sama kepakaran dalam memanfaatkan kerangka untuk dimanfaatkan secara maksimum.

"Saya yakin gabungan mantap kedua-dua pihak membentuk permuafakatan yang sudah diamalkan negara maju dan kesungguhan ini membentuk sistem pendidikan komprehensif," katanya ketika ditemui di Shah Alam, baru-baru ini.

Apa yang diharapkan ialah, Mohd Shukri berkata, kesungguhan kerajaan dengan kerjasama semua pihak terutama swasta ialah untuk melihat MQA berada sebaris dengan rakan akreditasi mereka dalam kelompok negara maju.

Pastinya kerjasama semua pihak dapat menjayakan agenda negara dalam membawa kerangka yang digubal di Malaysia sebagai penanda aras kepada rakan lain di rantau ini sebelum melangkah ke peringkat antarabangsa.

Tidak mustahil jika ia menjadi kenyataan, selepas negara mencapai kemerdekaan 50 tahun lalu dengan hanya mempunyai dua universiti ketika itu, kini Malaysia berada sebaris negara maju dengan jumlah institusi pengajian yang tidak terfikir sebelum ini.

Apa yang pasti pertumbuhan pesat itu perlu diseimbangkan dengan kualiti pendidikan membanggakan. Unsur positif seperti nilai murni mesti diterapkan dalam sistem pendidikan dengan mengambil kira pembangunan modal insan seimbang dalam melahirkan intelek bersahibang tinggi.